

Modul Celik Huruf dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas dalam Kalangan Murid SJK(T) Kajang dan SJK(T) Batu Caves

Letter Literacy Module in Common Nouns and Special Nouns Among Students of SJK(T) Kajang and SJK(T) Batu Caves

USHA NAGASUNDRAM & VIJAYALETCHUMY SUBRAMANIAM

ABSTRAK

Kesilapan dalam menggunakan huruf kecil dan huruf besar menjadi satu halangan dalam membentuk ayat yang gramatis dalam bahasa Melayu. Bagi mengatasi isu ini, Modul Celik Huruf Kecil dan Besar dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas telah dibangunkan dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). Struktur modul disusun mengikut Teori Elaborasi yang diperkenalkan oleh Reigeluth dan Stein (1983). Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kesan Modul Celik Huruf dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas terhadap kemahiran bahasa Melayu dalam kalangan murid yang bukan penutur asli. Responden kajian terdiri daripada murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T), dengan melibatkan 120 murid darjah 5 dari SJK(T) Kajang dan SJK(T) Batu Caves. Keberkesanannya dinilai melalui ujian pra dan ujian pasca. Skor penilaian murid dianalisis secara statistik deskriptif dengan mengambil kira peratusan dan frekuensi skor tersebut. Hasil analisis kajian menunjukkan peningkatan peratusan pencapaian murid dalam ujian pasca setelah mereka menggunakan modul. Hasil kajian menunjukkan bahawa Modul Celik Huruf dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas dapat memudahkan pemahaman murid terhadap penggunaan huruf yang betul dalam penulisan dan secara tidak langsung membantu para pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, khususnya dalam aspek penulisan.

Kata kunci: Huruf kecil; huruf besar; kata nama am; kata nama khas; modul

ABSTRACT

Errors in capital and lowercase letter usage impede the formation of coherent sentences in Malay. In order to address this problem, the Design and Development Research (DDR) method first presented by Richey and Klein (2007) was applied in the development of the Lowercase and Uppercase Literacy Module in Common Nouns and Special Nouns. The modules are arranged by Reigeluth and Stein's (1983) Elaboration Theory. This research aims to assess how the Letter Literacy Module in Common Nouns and Proper Nouns affects non-native speakers of Malay's language proficiency. The participants in the study were 120 fifth-grade students from SJK(T) Kajang and SJK(T) Batu Caves who were SJK(T) Tamil National Type School students. Both a pre-test and post-test are used to assess the module's effectiveness. After considering the percentage and frequency of the scores, student evaluation results are statistically descriptively analysed. The study analysis's findings indicate that after using the module, students' post-test achievement percentage increased. The findings of the study demonstrate that the Letter Literacy Module in Common Nouns and Proper Nouns can help teachers teach and learn the Malay language, particularly in the writing domain, by helping students comprehend the proper use of letters in writing.

Keywords: Capital letter; lowercase letter; common nouns; proper nouns; module

PENGENALAN

Huruf dalam bahasa Melayu terdiri daripada 26 aksara dan terbahagi kepada lima vokal dan 21 konsonan. Kesemua huruf dapat berkedudukan pada awal, tengah dan akhir sesuatu perkataan (Masri

2006). Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan huruf didefinisikan sebagai lambang dalam sistem bunyi yang dapat menghasilkan perkataan dalam bentuk tulisan dengan melibatkan gabungan daripada konsonan dan vokal. Tambahan pula, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, huruf

besar digunakan pada permulaan perkataan apabila digunakan untuk nama orang, nama tempat, dalam proses pembinaan ayat dan lain-lain lagi. Manakala huruf kecil merupakan penggunaan biasa dalam penulisan dan juga merupakan lawan kepada huruf besar.

Karim et al. (2015) mendefinisikan golongan kata dapat digolongkan berdasarkan kriteria sintaksis dan kriteria semantik yang menjadi unsur utama dalam pembinaan sintaksis, iaitu frasa, klausa, dan ayat. Kata nama, kata kerja dan kata adjektif dikategorikan sebagai golongan kata yang utama kerana ketiga-tiga kategori ini boleh menjadi inti dalam frasa utama ayat. Selain kategori ini, perkataan lain yang berfungsi sebagai perhubungan dalam ayat dapat dikelompokkan ke dalam satu golongan kata secara kolektif yang disebut sebagai kata tugas. Berdasarkan penjelasan di atas, golongan kata dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas. Salah satu kategori golongan kata ialah kata nama. Menurut Omar (2022), kata nama adalah subgolongan kata benda yang boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Manakala dari segi makna pula, kata nama adalah kata yang merujuk kepada sesuatu, baik yang bernyawa atau tidak bernyawa, konkret atau abstrak. Jamaluddin (2009) pula telah membahagikan kata nama kepada tiga subgolongan, iaitu kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama berdasarkan makna yang didukung oleh perkataan. Tambahan pula, kata nama khas merupakan rujukan khusus kepada nama orang, benda, binatang, perbadanan dan seumpamanya, manakala kata nama am ditakrifkan sebagai benda, perkara, atau konsep yang umum sifatnya (Karim 1989).

Berdasarkan penjelasan di atas, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) semakan pada 2017 telah menerapkan pengajaran dan pembelajaran golongan kata berlaku pada peringkat sekolah bermula pada darjah 1 dengan memahami dan mengenal pasti kata nama diikuti mengaplikasi kata nama am dan kata nama khas dalam konteks yang betul pada peringkat darjah 6. Seterusnya, dalam sistem bahasa selain aspek tatabahasa yang meliputi aspek morfologi dan sintaksis diberikan penekanan, malah tanda baca turut menjadi satu elemen penting dalam penilaian dan penguasaan kemahiran bahasa Melayu. Pengaruh dan penggunaan tanda baca ditumpukan pada komunikasi bertulis dan bacaan mekanis supaya dapat menyampaikan mesej dengan berkesan dan teliti. Komponen tanda baca yang harus dikuasai oleh murid-murid ialah noktah, koma, koma bernoktah, noktah bertindih, sempang, tanda soal, tanda seru, tanda petik, tanda kurungan, huruf

kecil, huruf besar dan italik. Hal ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap huruf besar dan huruf kecil hanya diberikan secara umum walaupun peranan huruf memainkan peranan penting dalam penulisan bahasa Melayu. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian lepas (Kihob et al. 2020; Mahamod et al. 2021; Chelliah dan Othman 2022). Salah satu peranan huruf yang mutlak dapat dilihat adalah dalam aspek kata nama am dan kata nama khas. Murid-murid seharusnya tahu untuk membezakan KNA dan KNK berdasarkan konsep dan juga memahami penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang tepat bagi bagi kedua-dua KNA dan KNK dalam aspek penulisan.

Dalam konteks kajian ini, penekanan huruf diberikan pada aspek huruf besar dan huruf kecil dalam kata nama am dan kata nama khas. Kata nama am dan kata nama khas dalam kajian ini adalah lebih berfokuskan lima komponen utama yang juga dibincangkan peringkat sekolah rendah, iaitu orang, binatang, benda, tempat dan tumbuhan.

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran asas dalam penguasaan sesuatu bahasa melibatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis adalah sangat penting (Rahman dan Kiram 2015). Hal ini kerana, penutur bukan jati bahasa Melayu seharusnya berkemahiran untuk bertutur untuk memastikan pemerolehan bahasa dapat dicapai dengan jayanya. Maka, untuk mencapai kecekapan bahasa yang baik dan efektif, fokus utama diberikan kepada sekolah yang menjalankan pembelajaran secara formal. Penutur bukan jati bahasa Melayu ada yang berupaya untuk bertutur dengan fasih dalam bahasa Melayu, tetapi mereka tidak semestinya dapat menghasilkan penulisan yang cemerlang (Ali et al. 2021). Isu ini kerap menjadi topik kajian bagi pengkaji-pengkaji lain seperti Chew dan Amir (2023) dan Jamian (2021). Secara lebih terperinci, analisis kesalahan bahasa dari aspek penulisan juga menjadi tumpuan para pengkaji. Hal ini kerana tatabahasa menjadi tonggak dalam penguasaan bahasa Melayu. Analisis kesalahan dari segi morfologi yang melibatkan pemilihan dan penggunaan kata serta aspek sintaksis juga dilihat sebagai permasalahan dalam mempengaruhi murid-murid untuk menghasilkan penulisan yang gramatis. Aspek yang sering diberikan tumpuan ialah imbuhan, dan pemilihan kata. Seperti kajian Tenggok dan Shaid (2023), Magesvaran et al. (2021), Melai dan Abidin (2020) dan Kihob dan Mahali (2020). Namun, permasalahan yang harus diperhalusi ialah penguasaan kata nama terutamanya dalam aspek

penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Kekeliruan murid terhadap penggunaan huruf menjadi punca utama murid tidak dapat mencapai keputusan yang baik dalam penulisan.

Penggunaan huruf dalam kata nama juga merupakan kekeliruan masih tidak dapat dikuasai oleh murid. Kemahiran menulis memainkan peranan yang sangat penting untuk menyampaikan idea atau informasi. Peraturan yang asas ialah huruf bagi perkataan pertama dalam ayat harus dimulakan dengan huruf besar dan diakhiri dengan tanda baca yang bersesuaian sama ada noktah, koma, tanda soal mahupun tanda seru (Patekar 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana, penulisan yang kurang gramatis dari aspek tanda baca yang meliputi huruf besar dan huruf kecil tidak dapat menyampaikan informasi yang jelas kepada pembaca. Walaupun murid-murid telah diberikan pendedahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil bermula di prasekolah, tetapi pengaplikasian huruf dalam penulisan masih membimbangkan pelbagai pihak (Vendrick dan Mahamod 2019). Tambahan pula, perkembangan teknologi telah menjadikan telefon bimbit satu keperluan asas dalam kehidupan masyarakat. Penggunaan bahasa rancu dalam telefon bimbit turut menyumbang kepada pencemaran bahasa yang dapat dilihat dari aspek kesalahan ejaan dan morfologi, percampuran bahasa dan penggunaan singkatan (Faizal et al. 2022). Faktorfaktor ini memberikan kesan dalam penguasaan kata nama am dan kata nama khas dalam kalangan murid. Kesalahan penggunaan huruf turut dikaji dalam pengkhususan kajian ortografi oleh Rosly dan Mukhtar (2023), Baharum et al. (2022), dan Melai dan Abidin (2020). Perbincangan ini masih kurang diambil berat dan kurang memberikan kesan kepada penguasaan huruf dalam kalangan murid.

Sehubungan itu, pengkaji ingin melihat keberkesanannya modul Celik Huruf dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas terhadap pencapaian dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid bukan penutur natif.

MODUL CELIK HURUF KECIL DAN HURUF BESAR

Modul Celik Huruf Kecil dan Huruf Besar merupakan sebuah modul yang dihasilkan setelah melalui saringan ujian penilaian dari segi penggunaan dan kandungan modul tersebut. Kandungan modul dimulakan dengan pengenalan huruf kecil dan huruf besar bersertakan latihan untuk mengidentifikasi huruf. Seterusnya, penjelasan bagi penggolongan kata nama am dan kata nama khas dijelaskan dalam bentuk grafik supaya memudahkan pemahaman

murid. Komponen dalam modul ini adalah berdasarkan pembahagian yang diterapkan dalam buku teks di sekolah, iaitu orang, binatang, benda, tempat dan tumbuhan. Seperti yang dinyatakan oleh Reigeluth dan Stein (1983), pembelajaran harus dimulakan dengan penjelasan yang mudah dan senang difahami dan secara berperingkat mendalam yang rumit. Langkah seterusnya menjelaskan kata nama am dalam bentuk konsep yang mudah diingati bersama-sama contoh penggunaan kata dalam bentuk ayat dan diikuti latihan penilaian kendiri yang melibatkan proses sintesis dan analogi berkala bagi setiap komponen kata nama am. Pengulangan teknik yang sama untuk kata nama khas. Modul diakhiri dengan pengujian KBAT dan disertakan dengan jawapan bagi setiap latihan. Keunikan modul ini dapat dilihat pada penggunaan teknik nemonik bagi setiap komponen kata nama am dan kata nama khas yang membantu murid untuk memahami dan mengingati konsep dengan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dua objektif kajian yang dinyatakan berikut secara terperinci iaitu mengenal pasti keberkesanannya modul dalam penguasaan huruf besar dan huruf kecil dalam kata nama dan menganalisis persepsi murid terhadap modul Celik Huruf Kata Nama Am dan Kata Nama Khas.

SOROTAN KAJIAN

Mat dan Shaid (2023) telah menjalankan kajian untuk meneliti kesalahan bahasa dalam penulisan karangan murid etnik monoriti di salah sebuah sekolah menengah di Bintulu. Responden kajian terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan data dianalisis menggunakan analisis kesalahan ortografi berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar minoriti di Bintulu masih kurang menguasai kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Kesalahan yang amat ketara dilakukan ialah kesalahan ejaan, kesalahan ejaan kata pinjaman, kesalahan huruf besar dan huruf kecil serta kesalahan tanda baca. Kelemahan dalam penggunaan ejaan (ortografi) menyumbang kepada kesalahan penggunaan kata dan pemilihan (morfologi) serta menyukarkan proses pembinaan ayat (sintaksis) dalam kalangan pelajar. Pengkaji mendapat bahawa bahasa ibunda merupakan faktor utama kepada kesukaran kepada pelajar untuk menguasai bahasa Melayu, malahan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu hanya sekadar untuk mencapai status lulus dalam peperiksaan SPM. Kajian ini berfokus kepada satu etnik sahaja yang melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu.

Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) yang merupakan lanjutan daripada teori Analisis Kesalahan Bahasa (1973) mengkaji kesalahan bahasa meliputi kesalahan morfologi, sintaksis, dan leksikon. Corder dalam Asnola et al. (2022) menyatakan bahawa kesalahan ortografi juga terdorong daripada kesalahan dalam penggunaan kata yang disebabkan oleh berlakunya pertukaran atau kehilangan kata. Kajian Asnola et al. (2022) mendapati bahawa kesalahan bahasa yang paling banyak dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan ortografi yang terdiri daripada kesalahan huruf besar dan huruf kecil, kesalahan tanda baca dan kesalahan ejaan. Kajian ini menyimpulkan bahawa bahasa pelajar masih kurang arif dalam rumus tatabahasa dan pengaruh bahasa pertama yang mendorong kepada kesalahan bahasa. Manakala kajian Nurhidayah dan Prabawa (2016) yang mengenal pasti kesalahan huruf besar dan huruf kecil mengatakan bahawa faktor kurang fokus dan cepat lupa akan pembelajaran merupakan kecenderungan bagi kesalahan ini. Kajian ini mendorong pengkaji untuk meneliti penguasaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan terutamanya dalam aspek kata nama am dan kata nama khas.

Analisis kesalahan bahasa turut dijalankan oleh Tenggok dan Shaid (2023) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sarawak. Pelajar didapati lemah dalam penulisan karangan walaupun telah dipelajari dari sekolah rendah. Berdasarkan skala untuk menilai minat pelajar tingkatan dua dalam menulis karangan bahasa Melayu, 17 orang responden menyatakan berminat dan hanya 2 orang sangat berminat. Namun, hasil kajian menunjukkan bahawa kesalahan ortografi yang banyak dilakukan oleh responden adalah pada aspek tanda baca sebanyak 41% diikuti oleh kesalahan huruf besar dan huruf kecil sebanyak 33%. Kurang kearifan dalam penggunaan tanda noktah dan tanda koma membawa kepada penulisan ayat yang panjang berjela sehingga menyukarkan pembaca mentafsir maksud yang ingin disampaikan dengan betul. Dapatkan yang sama turut dibincangkan dalam kajian Kihob dan Mahali (2020) terhadap pelajar tingkatan 4 di Sabah. Penggunaan tanda baca koma dan noktah adalah sangat lemah dalam kalangan pelajar dan memberikan tanggapan yang kurang nyata. Usaha untuk mengatasi permasalahan ini adalah dengan penekanan penggunaan tanda baca oleh warga pendidik dengan mempelbagaikan teknik pengajaran yang lebih menarik.

Kajian Rasdi et al. (2021) adalah berasaskan pembangunan modul dalam pembelajaran. Kajian ini telah menggunakan model ASSURE untuk membangunkan modul pengajaran yang berbentuk

permainan dan dinamakan sebagai *game board* (GB) serta menguji keberkesanannya modul tersebut dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran operasi nombor dalam awal matematik. Sampel dalam dalam kajian ini melibatkan kanak-kanak prasekolah yang terdiri daripada lingkungan umur enam tahun dan seorang guru taska. Kajian ini telah dijalankan selama lapan minggu dan melibatkan kaedah gabungan (*mix metode*) dalam menganalisis serta menguji keberkesanannya modul yang dihasilkan. Modul berasaskan permainan ini melibatkan 3 jenis permainan, iaitu *game goose*, *snakes and ladders* dan *saidina kids*. Ketiga-tiga permainan ini menunjukkan impak yang positif dalam ujian pos yang dijalankan selepas pendedahan kaedah pengajaran dan pembelajaran operasi nombor. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai penguasaan yang sederhana dalam operasi nombor telah berjaya menguasai operasi nombor dengan baik melalui aktiviti permainan ini. Selain itu, pelibatan kanak-kanak juga aktif sepanjang sesi pengajaran malahan kanak-kanak juga berintiraktif secara positif antara ahli kumpulan. Penelitian ini telah membuktikan bahawa corak PdP harus seiring dengan perkembangan generasi kini serta menerapkan kemahiran abad ke-21 supaya motif proses PdP berlangsung dengan efisien dan memenuhi matlamat Standard kandungan yang telah ditetapkan.

Kajian Ali dan Mahamod (2016) lebih tertumpu kepada penghasilan modul yang bersesuaian dengan PdP prasekolah. Pembangunan dan reka bentuk kajian melibatkan pendekatan Fuzzy Delphi daripada Richey dan Klein (2007). Objektif kajian ini adalah diuji pada peringkat pertama, iaitu menganalisis keperluan pembangunan modul. Fokus utama kajian ini adalah lebih tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa dalam kalangan kanak-kanak di prasekolah, maka sampel yang terlibat ialah sepuluh orang guru pra sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para guru tidak mengamalkan aktiviti bermain dalam proses PdP mereka disebabkan faktor kekangan masa. Namun, mereka bersetuju tentang kepentingan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dan membuka ruang untuk membangunkan modul yang bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak prasekolah dalam meningkatkan kemahiran bahasa.

Di samping itu, kajian Raman et al. (2023) telah mengkaji penggunaan modul dalam penguasaan karangan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 2. Objektif kajian ini adalah untuk membina sebuah modul yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam proses menulis karangan dan menguji menguji keberkesanannya modul tersebut dalam kalangan

pelajar. Modul dibangunkan menggunakan Modul ADDIE. Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul ini memperoleh kesepakatan pakar yang tinggi dan diterima pakai kerana dipercayai dapat meningkatkan pencapaian pelajar semasa penulisan karangan. Penggunaan modul dalam kajian Ping dan Aik (2022) juga menyatakan bahawa modul bergambar yang dihasilkan untuk pembelajaran kata majmuk memberikan impak yang positif dalam pembinaan kata majmuk semasa menulis menulis ayat. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah intervensi daripada warga pendidik dengan mempelbagaikan cara pengajaran dengan melihat pada keperluan murid dapat membawa kepada pembelajaran yang berkesan.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa penguasaan huruf besar dan huruf kecil masih menjadi satu permasalahan yang ketara dalam kalangan murid. Tambahan pula, kemahiran untuk menggunakan kata nama am dan kata nama khas dengan tepat turut menjadi persoalan dalam kalangan penutur bukan jati bahasa Melayu. Analisis daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa

kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menepati pembelajaran pak-21 dapat memberikan kesan yang memberangsangkan dalam penguasaan huruf bagi kata nama am dan kata nama khas. Maka, sebuah modul dihasilkan untuk mengisi kelompong yang dikesan dalam kajian-kajian lepas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk yang berbentuk separa eksperimen dengan mengaplikasikan set soalan ujian pra dan pasca dalam melihat pencapaian murid melalui pengaplikasian modul (Creswell 2012). Data kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel dalam kajian ini melibatkan 120 orang murid darjah lima dari dua buah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Batu Caves dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kajang. Sampel kajian ini terdiri daripada 120 orang murid yang dibahagikan kepada 60 orang kumpulan rawatan dan 60 orang kumpulan kawalan seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

JADUAL 1. Jumlah subjek kajian mengikut sekolah dan jantina

Tahun	Sekolah	Kumpulan	Murid perempuan & peratusan (%)	Murid lelaki & peratusan (%)	Jumlah murid
5	S1	Rawatan	17 (56.7%)	13 (43.3%)	30
		Kawalan	18 (60%)	12 (40%)	30
5	S2	Rawatan	19 (63.3%)	11 (36.7%)	30
		Kawalan	18 (60%)	12 (40%)	30

*S1= Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Batu Caves

*S2= Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Kajang

Instrumen dalam kajian ini berbentuk ujian penulisan yang dibangunkan untuk menguji penguasaan murid terhadap penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang tepat dalam kata nama am dan kata nama khas. Kesahan dan kebolehpercayaan set pengujian disahkan oleh lima orang pakar bahasa Melayu yang terdiri daripada ketua panitia dan guru bahasa Melayu dan masing-masing berpengalaman melebihi 10 tahun dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Seterusnya, borang soal selidik turut digunakan untuk menilai persepsi murid-murid terhadap modul yang dibangunkan. Set soalan soal selidik melalui proses penilaian pakar dan Cronbach Alpha bagi mendapatkan kesahan yang tinggi (Creswell 2012).

Nilai Cronbach Alpha bagi set soalan soal selidik mencapai nilai yang tinggi, iaitu $r=0.805$. Ujian pra dan pasca menggunakan set soalan yang sama dan dibahagikan kepada 2 bahagian. Pada bahagian A, murid-murid perlu menyenaraikan kata nama am dan kata nama khas mengikut komponen, manakala pada bahagian B, murid-murid perlu mencari kesalahan huruf dalam kata nama am dan kata nama khas dan salin semula ayat dengan penggunaan huruf yang tepat. Murid-murid diberikan masa selama 20 minit untuk menjawab soalan-soalan ujian pra dan pasca. Kumpulan rawatan diberikan pendedahan konsep KNA dan KNK dengan mengaplikasikan modul manakala pengajaran secara konvensional diterapkan kepada kumpulan kawalan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Pengujian dan penilaian terhadap keberkesanannya modul diuji dalam bentuk pengujian pra dan pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam kalangan murid darjah 5. Pengujian ini

dibincangkan dalam bentuk perbandingan dan data akan dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi ujian-t. Hasil dapatan kajian diuraikan dalam bentuk ringkasan ujian-t seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Keputusan Ujian-t bagi perbandingan ujian pra dan pasca antara kumpulan darjah 5

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Min Ralat Piawai	t	df	p
Rawatan							
Pra	30	10.85	3.685	.654	-9.537	29	.000
Pasca	30	15.70	3.759	.680			
Kawalan							
Pra	30	10.04	3.318	.621	2.431	29	0.13
Pasca	30	8.84	3.574	.669			

Hasil kajian bagi kumpulan rawatan yang melibatkan 60 orang murid darjah 5 memaparkan perbezaan antara pengujian pra dan pasca. Hal ini dapat dilihat pada signifikan nilai t, iaitu ($t = -9.537$, $df = 29$, $p < 0.05$). Perbezaan nilai antara pengujian pra dan pasca dalam pengiraan min dapat ditafsirkan bahawa penggunaan modul yang berkONSEPkan didik hibur dapat menghasilkan impak yang positif dalam proses pembelajaran murid. Pendapat yang sama turut dapat dilihat dalam kajian Ahmad dan Othman (2020) dan Jantan et al. (2016). Nilai min pada ujian pasca menunjukkan 15.70 berbanding ujian pra hanya mencatatkan min sebanyak 10.85. Data daripada kumpulan kawalan didapati menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($t = 2.431$, $df = 29$, $p > 0.05$). Apabila meneliti skor min bagi ujian pra dan pasca dalam kumpulan kawalan, dapatan menunjukkan skor min ujian pasca adalah lebih

rendah daripada ujian pra. Hal ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran secara konvensional kurang memberikan impak positif pada generasi Alpha yang lahir dalam lingkungan tahun 2010-2028 yang turut dikenali sebagai kanak-kanak pada abad ke-21. Hujah ini turut dinyatakan dalam kajian Cheah dan Hiew (2022), Kandasamy et al. (2021) serta Jamian dan Ismail (2016), bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai berupaya meningkatkan prestasi murid terhadap subjek tersebut malah dapat menguji kemahiran kritis murid-murid.

Peringkat kedua dalam kajian ini adalah untuk melihat persepsi murid terhadap modul huruf. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif dan menghuraikan tahap persepsi murid sama ada positif atau negatif berdasarkan Jadual 3.

JADUAL 3. Tahap persepsi murid terhadap modul

Peratus	Persepsi
Jumlah peratus respon setuju dan sangat setuju > 50%	Positif
Jumlah peratus bagi respon tidak setuju dan sangat tidak setuju > 50%	Negatif

JADUAL 4. Persepsi murid terhadap modul huruf dalam kata nama

Bil	Item	Skala (Peratusan%)					Min	Sisihan piawai
		STS	TS	TP	S	SS		
Modul Huruf dalam Kata Nama								
1	Saya boleh memahami penggunaan huruf dengan jelas.	-	-	-	50	50	4.50	.50
2	Saya boleh belajar sendiri dengan menggunakan modul ini.	-	-	23.3	45	31.7	4.08	.74
3	Contoh yang diberikan sangat membantu.	-	-	-	53.3	46.7	4.47	.50
4	Modul ini membantu saya menguasai KNK dan KNA.	-	-	-	41.7	58.3	4.58	.49
5	Modul ini mudah digunakan.	-	-	21.7	33.3	45.0	4.23	.78

Nota: STS: sangat tidak setuju, TS: tidak setuju, TP: tidak pasti, S: setuju, SS: sangat setuju

Hasil kajian membincangkan persepsi 60 orang murid darjah 5 daripada kumpulan rawatan yang menerima pendedahan huruf berdasarkan modul huruf dalam kata nama. Analisis mendapat tahap persepsi murid terhadap modul huruf dalam kata nama menunjukkan positif dengan bukti skala pemilihan antara setuju dan sangat setuju. Jadual di atas menunjukkan persepsi murid terhadap modul huruf dalam kata nama. Dapatkan menunjukkan item 1, iaitu saya boleh memahami penggunaan huruf dengan jelas mencatat nilai min yang tinggi 4.60 (40% setuju dan 60% sangat setuju). Diikuti pula oleh item 4, iaitu modul ini membantu saya menguasai KNK dan KNA mencatatkan skala setuju sebanyak 43.3% dan sangat setuju 56.7% dengan nilai min 4.57. Persepsi murid terhadap kemudahan modul ini sesuai digunakan mencatat nilai min 4.40 dengan responden yang setuju mewakili 33.3% dan sangat setuju ialah 53.3% manakala peratusan tidak pasti hanya menunjukkan 13.3%. Seterusnya, item 2 dan 3 menunjukkan nilai min sebanyak 4.00 dan 4.33. Item 2 ialah saya boleh belajar sendiri dengan menggunakan modul ini menunjukkan peratus pencapaian bagi skala setuju sebanyak 53.3% dan 23.3% tidak setuju, manakala 23.3% tidak pasti. Item 3: Contoh yang diberikan sangat membantu mendapat responden yang setuju ialah 66.7% dan 33.3% sangat setuju. Secara keseluruhannya, kandungan modul menunjukkan penilaian yang positif daripada responden murid.

PERBINCANGAN

Hasil kajian membuktikan bahawa penguasaan KNA dan KNK melalui modul dengan mengaplikasikan konsep membantu murid-murid memahami KNA dan KNK dengan jelas. Hasil perbandingan ujian-t antara kumpulan kawalan dan rawatan menunjukkan

pencapaian signifikan nilai *p* pada aras 0.05. Dalam hal ini, kumpulan rawatan memperoleh skor yang lebih tinggi dan menunjukkan pencapaian signifikan berbanding kumpulan kawalan yang mengikuti pembelajaran KNA dan KNK secara konvensional. Data ini membuktikan bahawa pengajaran yang pembelajaran berbantuan modular menunjukkan kefahaman yang tinggi dan murid-murid dapat mengikuti kaedah pengajaran dengan lebih aktif. Dapatkan kajian ini telah menyokong kajian Raman et al. (2023), Ping dan Aik (2022), Rasdi et al. (2021) serta Ali dan Mahamod (2016) yang menyatakan bahawa penggunaan modular sebagai bantu bahan mengajar dapat meningkatkan penguasaan murid-murid terhadap pengajaran dengan baik dan jelas.

Selain itu, peranan guru yang menggunakan bahan bantu mengajar juga merupakan salah satu kaedah pengajaran yang pelbagai seperti yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Apabila para guru dapat memudah cara konsep sesuatu topik mengikut tahap kefahaman dan intelek murid, maka pengajaran dan pembelajaran dapat memperlihatkan keberkesanan yang tinggi. Penerangan secara terperinci bagi KNA dan KNK berdasarkan lima komponen asas sepertimana yang diterapkan dalam buku teks SJKT sebenarnya membimbang murid untuk menguasai aplikasi huruf kecil dan huruf besar yang tepat dalam KNA dan KNK. Dapatkan ini seiring dengan Subri et al. (2022), Jawan dan Mahamod (2021), Hassan dan Rahman (2021) dan Jasni et al. (2020) yang mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan murid dan telah melihat peningkatan dalam pencapaian murid.

Tambahan pula, motivasi murid bukan penutur natif bahasa Melayu yang berada di darjah 5 turut menunjukkan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran KNA dan KNK dari segi pengaplikasian huruf yang tepat. Murid-murid

menunjukkan persepsi yang positif terhadap modul yang digunakan untuk mempelajari KNA dan KNK. Hal ini membuktikan bahawa sikap dan motivasi memainkan peranan penting dalam membantu seseorang murid untuk menguasai bahasa kedua selain daripada bahasa pertama. Dapatkan yang sama turut didapati dalam kajian Windiyani dan Suchyadi (2020) dan Suryani (2019). Namun dapatan ini bercanggah dengan Chew (2023) yang mendapati tidak ada perbezaan signifikan antara persepsi dan sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Temuan kajian dengan jelas menunjukkan bahawa pemanfaatan modul sebagai alat bantu pengajaran dan sumber rujukan dapat mengatasi isu penguasaan murid dalam proses penimbaan ilmu bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, terutama pada aspek komponen kata nama am dan kata nama khas. Murid-murid dapat memahami dengan lebih jelas dan teliti tentang penggunaan huruf yang tepat dalam KNA dan KNK. Langkah ini dapat membantu dalam meningkatkan semangat murid-murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan juga dapat membantu dalam aspek penulisan supaya dapat menghasilkan ayat yang gramatis. Selain itu, kepelbagaiannya kaedah pengajaran turut membuktikan penyumbangan yang positif dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman murid-murid terhadap KNA dan KNK. Penerangan konsep KNA dan KNK secara tersusun dan sistematik bersama-sama teknik mudah untuk mengingati konsep tersebut telah berjaya proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pemudah cara dalam menguasai aspek pertama golongan kata, iaitu kata nama memperlihatkan persepsi yang positif daripada murid-murid dan hal ini turut dibuktikan dalam pencapaian ujian pasca. Secara keseluruhannya, modul Celik Kata Nama Am dan Kata Nama Khas menunjukkan peningkatan kefahaman yang tinggi dalam kalangan murid dan membuktikan keberkesanannya yang tinggi.

RUJUKAN

- Ahmad, N. & Othman, S. 2020. Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InjET)* 6(2): 1-11.
- Ali, A. & Mahamod, Z. 2016. Pembangunan dan kebolehgunaan modul berdasarkan bermain bagi pembelajaran kemahiran bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(1): 16-29.
- Ali, A.S.S., Mahamod, Z. & Mis, M.A. 2021. Masalah penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. *Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Konvensyen Bahasa Melayu*.
- Asnola, W., Maswandi, E. & Zulkifle, Z. 2022. Analisis kesalahan bahasa dalam karangan bahasa Melayu pelajar menengah bawah di negara Brunei Darussalam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 15(2): 261-282.
- Baharum, A.S., Samah, R. & Rahman, A.A. 2022. Orthographical errors and its implication in directed essay writing among public universities Non-Arabic students: A study in Universiti Sains Islam Malaysia/Kesalahan. *Sains Humanika* 14(2): 1-11.
- Cheah, K.S. & Hiew, Y.F. 2022. Penerokaan strategi guru untuk menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar di dua sekolah vernakular Cina, Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 9(3): 50-67.
- Chelliah, S. & Othman, N. 2022. Tahap penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi mata pelajaran perniagaan murid bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(5): e001509-e001509.
- Chew, F.P. & Amir, S.A. 2023. Tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu. *PENDETA* 14(1): 74-87.
- Chew, F.P. 2023. Hubungan antara persepsi, sikap dan pencapaian Bahasa Melayu murid-murid Cina di Sekolah Kebangsaan Cina Pilihan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 41-59.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. United Kingdom: Pearson.
- Faizal, N.A.M., Safarizal, N.E.A. & Rusli, N.F.M. 2022. Penggunaan bahasa Rancu dalam medium Twitter oleh generasi Z. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 19-28.
- Hassan, C.Z.C. & Rahman, F.A. 2021. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 67-87.
- Jamaluddin, N. 2009. Kriteria penggolongan kata. *Malim: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara* 9(12): 1-21.
- Jamian, A.R. & Ismail, H. 2016. Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(2): 49-63.
- Jamian, A.R. 2021. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1-12.
- Jantan, R.B., Resad, N.A.B. & Mohd, S.F.A.Z.B. 2016. Aktiviti didik hibur dalam kalangan guru prasekolah di daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 5: 19-29.
- Jasni, S.R., Zailani, S. & Zainal, H. 2020. Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata arab. *Bitara International Journal of Civilizational Studies And Human Sciences* 3(1): 10-21.
- Jawan, H. & Mahamod, Z. 2021. Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu Murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 67-77.
- Kandasamy, O.K., Mydin, A.A., Kanesan, A.G. & Ismail, S.A.M.M. 2021. Keberkesanannya kaedah pengajaran Needham, STAD dan Konvensional berpandukan modul pendidikan kesenian terhadap hasil kerja seni dan minat murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8): 162-172.

- Karim, N.S. 1989. *Laras Bahasa*. Nurin Enterprise.
- Karim, N.S., Onn, F.M., Musa, H. & Mahmood, A.H. 2015. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kihob, A.J. & Mahali, S.N.H. 2020. Kerancuan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, SABAH. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 31(2): 97-97.
- Magesvaran, U., Mahamod, Z., Mahad, I. & Syuhada, I. N. 2021. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). In *International Conference on Business Studies and Education* : 44-60.
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N. & Rahman, M.Z.A. 2021. Tahap penggunaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran bahasa Melayu. *PENDETA* 12(1): 40-62.
- Masri, S. 2006. *Bahasa Melayu: Dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mat, P.E. & Shaid, N.A.N. 2023. Kesalahan bahasa dalam penulisan karangan murid etnik minoriti. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 88-97.
- Melai, Z. & Abidin, D.N.A.Z. 2020. Pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: Analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies* 9(1): 86-106.
- Nurhidayah, I. & Prabawa, A.H. 2016. Analisis kesalahan penggunaan huruf kapital dan pemilihan kata pada karangan deskripsi siswa Kelas VIII SMP NU 1 Wonosegoro, Tesis kedoktoran, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Omar, A.H. 2022. *Nahu Melayu Mutakhir Edisi kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patekar, J. 2020. A sentence need not begin with a capital letter. *Strani jezici: časopis za primijenjenu lingvistiku* 49(2): 155-176.
- Ping, C.J. & Aik, C.J. 2022. Meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas dengan menggunakan modul bergambar. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif (Negeri Melaka)* 1(1): 9-17.
- Rahman, A.F. & Kiram, N.M. 2015. Bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa: Kepentingan melaksanakan ujian kecekapan bahasa Melayu. *Jurnal Mahawangsa* 2(1): 15-28.
- Raman, S., Zainal, M.Z. & Amzah, F. 2023. Pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan modul penulisan karangan bahasa Melayu tingkatan dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(1): e002031-e002031.
- Rasdi, S.S., Masnan, A.H., Hamzah, M. & Ghazali, M. 2021. Pembangunan dan kebolehgunaan modul pengajaran berdasarkan game board dalam pembelajaran operasi nombor kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 10(2): 71-84.
- Reigeluth, C.M. 1983. *Instructional Design Theories and Models: An Overview of Their Current Status*. Routledge.
- Richey, R.C. & Klein, J.D. 2007. *Design and Development Research: Methodes, Strategies and Issues*. London: Erlbaum.
- Rosly, N.J. & Mokhtar, N.Z.Z. 2023. [MS] Analisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan murid orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 5(2): 1-11.
- Subri, M.R., Nudin, A.B. & Ebrahim, I. 2022. Pelaksanaan pengajaran guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPERKASAKU: Satu kajian kes. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 419-427.
- Suryani, L. 2019. Hubungan sikap dengan prestasi belajar yang dicapai oleh mahasiswa semester IV pada mata kuliah Asuhan Kebidanan ii di Akademi Kebidanan Muhammadiyah Madiun. *Jurnal Ilmiah Kebidanan (Scientific Journal of Midwifery)* 5(2): 9-16.
- Tenggok, C. & Shaid, N.A.N. 2023. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 329-345.
- Vendrick, R.S. & Mahamod, Z. 2019. Facebook sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis ayat gramatis dalam kalangan murid lemah bahasa Melayu. *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*: 275-285.
- Windiyan, T. & Suchyadi, Y. 2020. Hubungan antara sikap belajar mahasiswa dengan prestasi belajar mata kuliah Etika Profesi. *Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran Guru Sekolah Dasar (JPPGaseda)* 3(1): 52-55.

Usha Nagasundram
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
ushanag@sundram@gmail.com

Vijayaletchumy Subramaniam
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
vletchumy@upm.edu.my